

Artikel

Proses Fonologi Subdialek Melayu Bentong di Kampung Janda Baik, Pahang
(*Phonological Process Bentong Malay Subdialect in Kampung Janda Baik, Pahang*)

Aisya Amalin Azman & Norfazila Ab. Hamid*

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: norfazilaabhamid@ukm.edu.my

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

Abstrak: Makalah ini meneliti dialek Pahang yang dituturkan di Kampung Janda Baik, Bentong, Pahang. Kajian terhadap dialek ini masih kurang dilakukan, khususnya di daerah Bentong. Objektif utama kajian ialah mengenal pasti proses fonologi yang wujud dalam Subdialek Melayu Bentong (SMB). Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian menggunakan pendekatan fonologi generatif dengan reka bentuk kualitatif yang merangkumi kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Data dikumpulkan melalui temu bual, rakaman, dan catatan bersama penutur natif, sebelum dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa SMB mempunyai proses fonologi yang melibatkan bunyi vokal iaitu perluasan vokal, penyempitan vokal, dan nasalisasi vokal, serta proses fonologi yang melibatkan bunyi konsonan seperti pembentukan glotal [ʔ], pengguguran /r/, alternasi /s/, pengglotisan [ʔ], pengvelaran, penyisipan geluncuran, dan diftongisasi. Kajian ini membuktikan bahawa dialek Pahang memiliki keunikan tersendiri yang membezakannya daripada dialek lain di Malaysia. Hasil kajian diharapkan dapat memperkaya khazanah ilmu linguistik Melayu dan menarik minat penyelidik lain untuk mengkaji dialek Pahang secara lebih mendalam.

Kata kunci: Fonologi generatif; konsonan; proses fonologi; subdialek Melayu Bentong; vokal

Abstract: The paper examines the Pahang dialect spoken in Kampung Janda Baik, Bentong, Pahang. There is lacks of studies on the Pahang dialect, especially in Bentong, Pahang. The main objective of this study is to determine the phonological process that occurs in Bentong Malay Subdialect (SMB). To chieve the objective, this study applied the generative phonology approach with qualitative research methods which includes literature review and field study. Data were collected through interviews, recordings, and field notes with native speakers, before being analyzed using a descriptive method. The finding shows that SMB has phonological process that involve involve vowels such as vowel reduction, vowel constriction, and vowel nasalization while phonological processes that involve consonants are glottal formation [ʔ], reduction of /r/, alternation of /s/, glottalisation of [ʔ], velarization, glide insertions and diphthongization. This study proves that the Pahang dialect has its own uniqueness, distinguishing it from other dialects in Malaysia. This study is expected to make a valuable contribution to the literature of the Pahang dialect as well as encourage other linguists to explore it in a more comprehensively and in greater detail.

Keywords: Bentong Malay Subdialect; consonants; phonological process; phonology generative; vowels

Pengenalan

Negeri Pahang dikenali sebagai sebuah negeri yang paling besar di Semenanjung Malaysia. Pahang letaknya di timur Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan enam negeri, iaitu Terengganu, Kelantan, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Johor. Ia terdiri daripada 11 daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bera. Kajian yang dilakukan oleh Marlyna Maros pada 2010 menjelaskan bahawa negeri Pahang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Hal ini kerana, setiap daerah di negeri Pahang mempunyai gaya bahasanya yang tersendiri mengikut kedudukan daerah. Sebagai contoh, pertuturan mereka dipengaruhi oleh gaya hidup dan aktiviti ekonomi masyarakat. Hal ini menyebabkan penduduk di kawasan hilir sungai Pahang bertutur lebih lambat berbanding penduduk di kawasan hulu sungai (Junaini et al. 2019). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa setiap bahasa mempunyai variasi yang berbeza, iaitu dialek. Terdapat beberapa faktor seperti penjajahan, politik, geografi, masa dan perdagangan menyebabkan kemunculan dialek. (Nurul Ain Alizuddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Noraini Hamzah, 2024).

Kampung Janda Baik adalah salah satu kampung tradisional Melayu dan sering menjadi destinasi pilihan para pelancong untuk menikmati keindahan alam semula jadi. Oleh itu, kebanyakan penduduk kampung mengambil keputusan untuk mempunyai perniagaan sendiri. Contohnya, mereka membuka chalet mahupun inap desa bagi pelancong tempatan mahupun luar negara untuk bermalam di Kampung Janda Baik. Dalam pada itu, Kampung Janda Baik dilihat tidak mengalami pembangunan yang melampau. Oleh sebab ia merupakan kawasan luar bandar, penduduknya akan ke bandar yang berdekatan iaitu Bentong mahupun Kuala Lumpur untuk menyelesaikan segala urusan. Justeru, pengkaji beranggapan bahawa ketulenan dialek yang dituturkan di kawasan ini masih terpelihara dan hanya terdapat sedikit unsur-unsur luar dalam ujaran masyarakat di kawasan tersebut.

Berdasarkan kajian lepas, ada beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai dialek Pahang. Namun, kebanyakan kajian mengenai dialek Pahang yang dilakukan oleh pengkaji bahasa terdahulu dilihat terbatas dari aspek kawasan kajian. Sebagai contoh, kajian mengenai dialek Pahang hanya tertumpu di beberapa tempat sahaja seperti Pekan, Temerloh dan Maran. Malah, pengkaji mendapati bahawa hanya sebilangan kecil sahaja pengkaji bahasa yang tertarik untuk mengkaji dialek Pahang. Sebagai contoh, kajian mengenai dialek Pahang hanya dilakukan oleh Ismail (1973), James (1983), Asmah (1985), Asiah (1989), Mohd Tarmizi et al. (2010), Marlyna (2010), Mohd Tarmizi (2019) dan Mohd Tarmizi (2022). Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu sedikit sebanyak memberikan gambaran awal kepada pengkaji untuk merancang kajian lanjutan yang lebih meluas khususnya dalam bidang linguistik.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti proses fonologi yang berlaku dalam Subdialek Melayu Bentong (SMB) berlandaskan pendekatan fonologi generatif di Janda Baik, Pahang.

Sorotan Literatur

1. Kosa Ilmu

Berdasarkan kosa ilmu oleh para pengkaji bahasa terdahulu, fonologi dialek Pahang telah dikaji oleh beberapa pengkaji bahasa iaitu Ismail (1973), James (1983), Asmah (1985), Asiah (1989), Mohd Tarmizi et al. (2010), Marlyna (2010), Mohd Tarmizi (2019) dan Mohd Tarmizi (2022). Kosa ilmu ini dapat dijadikan sebagai rujukan untuk memperoleh maklumat mengenai dialek Pahang meskipun tidak menumpukan subdialek Melayu Bentong.

Ismail Hussein (1973) telah melakukan satu kajian yang melibatkan perbandingan antara dialek Pahang dengan dialek-dialek Melayu lain yang wujud di Semenanjung Malaysia. Pengkaji menjadikan kajian ini sebagai rujukan khususnya dalam aspek analisis fonologi apabila meneliti kelainan leksikal dan fonetik yang terdapat dalam kajian ini. Selain itu, beliau juga turut menjelaskan bahawa dialek Pahang merupakan sebuah dialek yang tidak stabil dan wujudnya campuran yang tinggi daripada dialek-dialek lain khususnya di daerah Raub.

Seterusnya, terdapat kajian yang mengaplikasikan pendekatan fonologi generatif iaitu pendekatan yang sama dengan pengkaji iaitu kajian yang dilakukan oleh James (1983). Pengkaji telah menggunakan *fitur*

distinctif untuk menjelaskan fenomena linguistik dalam penulisannya. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan pengkaji dapat melihat bagaimana struktur sesuatu bahasa itu berubah daripada struktur dalaman kepada struktur luaran. Di samping itu, kosa ilmu ini dilihat sesuai digunakan pengkaji sebagai rujukan kerana pendekatan yang sama turut diaplikasikan dalam kajian tersebut dengan kajian pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga turut meneliti kajian yang dilakukan oleh Asmah (1985). Pengkaji dapat menambahkan ilmu pengetahuan mengenai dialek Pahang apabila beliau membandingkan subdialek Pekan dengan subdialek Pahang yang lain. Pada masa yang sama, pengkaji dapat melihat perbezaan antara subdialek Pekan dengan subdialek Bentong khususnya dalam aspek fonologi. Hal ini kerana Pekan diiktiraf sebagai dialek Pahang *Standard*. Kajian Asmah (1985) yang menumpukan kawasan seperti Kampung Kuala Atok dan Kampung Ulu Dong masih sesuai untuk menjadi rujukan pengkaji meskipun beliau hanya menjalankan kajian di dua buah kampung sahaja.

Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa kajian yang dilakukan oleh Asiah (1989) mempunyai sedikit persamaan dengan penyelidikan pengkaji khususnya dalam aspek fonologi. Penulisan tersebut membincangkan secara terperinci mengenai vokal, konsonan dan diftong yang wujud dalam dialek Pahang. Selain itu, kajian ini dilihat menggunakan pendekatan yang sama dengan pengkaji iaitu pendekatan struktural dimana mengkaji bahasa secara keseluruhan dan bukan secara berasingan.

Selain itu, pengkaji turut menelusuri kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi et al. (2010). Kajian ini dilihat membawa perspektif yang baharu dengan menggunakan sistem sungai di Pahang sebagai dasar terhadap penamaan dan penggolongan dialek Pahang. Malah, ciri-ciri fonologi yang terdapat dalam dialek Pahang turut dijelaskan secara terperinci dalam kajian ini. Pengkaji dapat melihat perubahan fonetik pada ketiga-tiga sungai utama di Pahang untuk diaplikasikan dalam kajian pengkaji.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Marlyna (2010) yang mengkaji dialek Pahang di Pekan turut diteliti. Kajian ini secara tidak langsung dapat menambahkan ilmu pengetahuan pengkaji mengenai dialek Pahang sekaligus membuktikan bahawa dialek Pahang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Pada masa yang sama, pengkaji juga didedahkan dengan perubahan bahasa yang berlaku dalam dialek Pahang khususnya di Pekan dalam era globalisasi kini. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pengkaji dalam penyelidikannya.

Di samping itu, pengkaji turut meneliti kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi (2019). Pengkaji telah didedahkan mengenai proses penasalan vokal yang berlaku dalam dialek Melayu Hulu Pahang khususnya subdialek Budu. Pada masa yang sama, pengkaji juga dapat mengenal pasti perbezaan antara subdialek Budu dengan subdialek Bentong khususnya dalam aspek proses fonologi. Hal ini kerana subdialek Budu dilihat mempunyai keunikannya yang tersendiri khususnya dalam gejala penasalan vokal /a/ di akhir kata. Kajian ini dilihat sesuai untuk dijadikan rujukan oleh pengkaji meskipun hanya memfokuskan untuk mengkaji proses penasalan vokal dalam subdialek Budu.

Seterusnya, kajian yang membincangkan tentang Hulu Tembeling sebagai pusat penyebaran dialek di lembangan Sungai Pahang telah dilakukan oleh Mohd Tarmizi (2022) juga turut diteliti. Kajian tersebut secara tidak langsung berjaya memaparkan keunikan dialek Pahang sekaligus meningkatkan pengetahuan pengkaji mengenai dialek Pahang. Pengkaji juga telah didedahkan dengan pelbagai bukti linguistik dan sejarah yang menunjukkan bahawa dialek Melayu Hulu Tembeling merupakan sebuah dialek yang konservatif sekali gus membolehkan Hulu Tembeling diangkat sebagai pusat penyebaran dialek. Maklumat yang diperoleh daripada kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pengkaji dalam penyelidikannya.


Tuntasnya, kosa ilmu merupakan salah satu elemen yang penting agar pengkaji dapat melakukan kajian ini dengan baik. Segala maklumat yang diperoleh dalam kosa ilmu dapat digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Hasil dapatan kosa ilmu sudah semestinya membantu pengkaji untuk menentukan inventori fonem serta proses-proses fonologi dalam subdialek Bentong meskipun tidak banyak kajian yang dilakukan di daerah Bentong.

Kaedah Kajian

1. Pemilihan Kawasan dan Batasan Kajian

Daerah Bentong telah dipilih oleh pengkaji sebagai kawasan kajian. Terdapat tiga mukim di Daerah Bentong iaitu mukim Bentong, mukim Sabai dan mukim Pelangai. Pelbagai industri ringan dan sederhana dapat ditemui di Bentong. Sebagai contoh, terdapat kilang kayu, kilang pembuatan makanan dan kilang pengumpulan bahan-bahan elektronik. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan Bentong berfungsi sebagai pusat pentadbiran dan perindustrian untuk daerah Bentong. Bentong pernah dikenali sebagai Kapong pada masa dahulu. Pada ketika itu, bandar Bentong berkembang di sekitar kawasan pasar iaitu di pertemuan antara Sungai Repas dan Sungai Perting. Penemuan bijih timah di kedua-dua sungai tersebut menyebabkan Bentong mula menjadi pusat tumpuan. Satu ban untuk melombong bijih timah telah dibina oleh pelombong-pelombong bijih timah agar mereka mendapat pendapatan yang lebih lumayan. Orang luar mula memberikan perhatian terhadap perkara ini dan mereka memberikannya nama 'Ban Untung' (ban yang menguntungkan). Hal ini juga menyebabkan perkataan "Ban Untung" menjadi lebih terkenal berbanding Kapong. Lambat-laun, nama "Ban Untung" diubah menjadi Bentong (Portal Rasmi Majlis Perbandaran Bentong t.th.).

Pengkaji telah memilih Kampung Janda Baik yang terletak di daerah Bentong untuk melakukan kajian ini. Hal ini demikian kerana, Kampung Janda Baik merupakan salah satu kampung tradisional Melayu dan sering menjadi tarikan pelancong untuk menikmati keindahan alam semula jadi. Malah, pengkaji juga beranggapan bahawa kawasan ini tidak terdedah dengan pembangunan yang melampau. Oleh itu, pengkaji beranggapan bahawa ketulenan dialek yang dituturkan di kawasan ini masih terpelihara dan hanya sedikit sahaja unsur-unsur luar dalam ujaran masyarakat di kawasan tersebut. Jarak Kampung Janda Baik dengan bandar Bentong adalah kira-kira 45 kilometer (km). Jarak tersebut adalah sama dengan jarak Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia ke Kampung Janda Baik. Selain itu, Kampung Janda Baik juga merupakan sebuah penempatan yang terletak di atas bukit yang bertentangan dengan Genting Highlands, sebuah pusat pelancongan di Malaysia. Faktor seperti pembukaan kilang Elektrisola, Hotel Cheringing Hills Convention & Spa Resort, Stadium Frenz United dan chalet-chalet menyebabkan penduduk di Kampung Janda Baik semakin meningkat. Malah, kedatangan penduduk dari luar Janda Baik bertambah disebabkan oleh pembukaan perusahaan-perusahaan tersebut.



Rajah 1. Peta Kawasan Kajian SMB

2. Pemilihan Informan

Dalam melakukan sesuatu kajian, pemilihan informan merupakan salah satu elemen yang penting dalam melakukan sesuatu kajian. Hal ini demikian kerana pengkaji perlu memastikan bahawa data yang diperolehi daripada informan adalah tepat dan asli. Secara umumnya, pemilihan informan dalam sesebuah kajian dilakukan berdasarkan NORM atau NORF (Trudgill & Chambers 1990). NORM merujuk kepada *non-mobile*, *old*, *remote* dan *male* manakala NORF merujuk kepada *non-mobile*, *old*, *remote* dan *female*.

Non-mobile bermaksud informan tersebut tinggal di sesuatu tempat dalam tempoh masa yang lama dan tidak hidup berpindah-randah. Ia penting agar tidak terdapat pengaruh luar sekali gus menjamin kesahihan data. *Old* pula merujuk kepada umur informan yang tua. Pertuturan informan yang tua dilihat lebih asli dan

tidak terpengaruh dengan dialek-dialek lain berbanding pertuturan informan yang lebih muda. *Remote* pula merujuk kepada kawasan yang jauh daripada bandar seperti kawasan pedalaman dan terpencil. Hal ini demikian kerana, pengkaji akan mendapat data yang dipengaruhi oleh pembangunan atau kemajuan di bandar. Seterusnya, *male* dan *female* pula merujuk kepada jantina informan. *Male* adalah lelaki manakala *female* adalah perempuan. Faktor jantina juga merupakan salah satu aspek yang perlu diberi perhatian dalam pemilihan informan. Di samping itu, pengkaji juga perlu menitikberatkan faktor faktor lain seperti keadaan organ pertuturan informan. Hal ini demikian kerana, informan yang mempunyai organ pertuturan yang baik dan sihat dapat menghasilkan pertuturan yang sempurna dan jelas.

Bagi melakukan kajian ini, pengkaji telah memilih informan yang menepati kriteria pemilihan informan yang telah ditetapkan dan berpadanan dengan prinsip NORF. Kajian yang dilakukan oleh Ong Su Teck, Nur Syahida Adilah Suri dan Rahim Aman pada 2016 menjelaskan bahawa pemilihan informan berdasarkan ciri-ciri NORF adalah lebih sesuai berbanding NORM untuk menjalankan kajian di Malaysia. Sejumlah tiga orang informan telah dipilih oleh pengkaji untuk melakukan kajian ini. Mereka merupakan tiga orang wanita yang berumur 53, 62 dan 68 tahun. Pemilihan sebanyak tiga orang informan ini adalah lazim dan memadai dalam bidang linguistik. Hal ini kerana, pemilihan informan dilakukan memfokuskan untuk mendapatkan data yang tulen daripada penutur asli di kawasan kajian (Chambers & Trudgill, 1998).

3. Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan satu proses penyusunan segala maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan oleh pengkaji. Kaedah pengumpulan data yang sesuai hendaklah diaplikasikan oleh pengkaji untuk memastikan agar data yang diperoleh di lapangan adalah tepat (Mohd Shafie, 1991). Beberapa teknik pengumpulan data telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu teknik temu bual, rakaman dan catatan.

Temu bual merupakan salah satu kaedah yang pengkaji gunakan untuk mendapatkan maklumat mahupun data yang diperlukan melalui komunikasi dua hala. Oleh itu, teknik temu bual ini memerlukan pengkaji dan informan untuk bersemuka. Kajian oleh Meriem (1998) menjelaskan bahawa terdapat tiga kaedah menemu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah temu bual berstruktur. Pengkaji telah bersemuka dengan informan dan bertanyakan soalan berdasarkan 300 daftar kata yang telah disediakan semasa peringkat pengumpulan daftar kata. Pengkaji menjadikan daftar kata tersebut sebagai kad bergambar supaya informan dapat memahami soalan yang ingin ditanyakan dengan mudah melalui teknik pengajuan gambar.

Pengkaji perlu merekod segala perbualan antara pengkaji dengan informan semasa proses pengumpulan data melalui teknik rakaman. Melalui teknik ini, pengkaji dapat menyimpan segala maklumat yang telah direkodkan dengan baik dan dapat mengelakkan masalah seperti keciciran data ketika di lapangan. Alatan utama yang diperlukan untuk teknik ini ialah pita rakaman. Pengkaji dapat mendengar semula perbualan dengan informan sekali gus menyebabkan kesilapan yang berlaku semasa transkripsi data berkurangan. Hal ni menyebabkan data yang diperoleh menggunakan teknik ini berbentuk asli dan sahih.

Selain itu, pengkaji boleh memanfaatkan teknik catatan semasa menemu bual dan rakaman dilakukan antara informan dengan pengkaji. Pengkaji boleh menggunakan sebuah buku nota kecil atau kertas untuk mencatat segala maklumat yang telah didapati semasa melakukan kajian lapangan. Dengan memanfaatkan kaedah ini, pengkaji boleh melakukan transkripsi fonetik dengan mudah berdasarkan catatan yang telah dibuat.

4. Pemaparan Data dan Analisis Data

Untuk memperlihatkan data secara lebih terperinci mengikut objektif kajian, pengkaji telah menggunakan jadual untuk memaparkan data yang telah dianalisis oleh pengkaji. Hal ini kerana data tersebut akan kelihatan tersusun dan sistematik sekali gus menyebabkan pembaca dapat memahami segala maklumat yang disampaikan dengan mudah. Seterusnya, data yang diperoleh pengkaji dianalisis secara teliti setelah melakukan kajian lapangan. Lambang fonetik antarabangsa, *International Phonetic Alphabet* (IPA) digunakan untuk mentranskripsi hasil data yang telah dikumpul oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana, transkripsi fonetik yang dilakukan akan memaparkan bunyi-bunyi bahasa yang wujud dalam sesuatu dialek.

Pengkaji akan membandingkan data yang telah ditranskripsi dengan bahasa Melayu standard untuk mengenal pasti proses fonologi yang wujud dalam SMB. Malah, kajian yang dilakukan oleh William (1993)

menjelaskan bahawa keberhasilan sesuatu kajian itu turut dipengaruhi oleh transkripsi fonetik. Proses penganalisisan data sudah semestinya membantu pengkaji untuk serta menghuraikan proses-proses fonologi yang terdapat dalam dialek Melayu Bentong di Pahang.

5. Pendekatan Fonologi Generatif

Pengkaji telah memilih untuk mengimplementasikan pendekatan fonologi generatif dalam kajian ini. Fonologi generatif merupakan satu konsep yang diperluaskan oleh Chomsky dan Halle (1968) melalui karya mereka yang bertajuk *The Sound Pattern of English (SPE)*. Melalui pendekatan fonologi generatif, ilmu sains diterapkan dalam menganalisis bunyi bahasa. Dalam erti kata lain, bunyi bahasa merupakan satu sistem rumus yang dapat menggambarkan kecekapan fonologi penutur natif yang sempurna. Objektif utama fonologi generatif dilakukan adalah untuk melihat bagaimana bentuk kecekapan fonologi intrinsik seorang penutur bertukar menjadi satu sistem rumus yang membentuk representasi fonetik dan mengaitkan representasi fonetik tersebut dengan struktur permukaan. Dua representasi yang sering diketengahkan dalam fonologi generatif adalah struktur dalaman dan struktur permukaan. Struktur dalaman merupakan representasi fonemik dan dapat ditakrifkan sebagai bunyi bahasa yang berbentuk abstrak yang diandaikan. Proses fonologi yang berlaku sebelum terhasilnya struktur permukaan dapat dilihat melalui struktur dalaman. Lambang garis miring “/ /” digunakan untuk merealisasikan segmen struktur dalaman. Struktur permukaan pula merupakan representasi fonetik dan ditakrifkan sebagai bentuk sebenar bunyi bahasa yang diujarkan oleh manusia. Lambang kurungan siku “[]” digunakan untuk merealisasikan segmen struktur permukaan (Noor Azureen Hamid @ Ahmad, Sharifah Raihan Syed Jaafar & Tajul Aripin Kassim 2016).

Pengkaji telah menggunakan pendekatan fonologi generatif untuk menghuraikan serta menjelaskan analisis proses fonologi dalam sesuatu bahasa. Lantaran itu, dapat disimpulkan bahawa pendekatan kajian membantu pengkaji agar tidak terpesong daripada landasannya. Dalam erti kata lain, dapat disimpulkan bahawa hasil dapatan kajian yang akan dianalisis juga turut dipengaruhi oleh pemilihan pendekatan kajian.

Hasil Kajian

Pengkaji seterusnya menghuraikan secara terperinci mengenai proses fonologi yang terdapat dalam SMB. Proses perubahan bunyi bahasa yang berlaku ketika manusia bertutur antara satu sama lain juga turut dikenali sebagai proses fonologi. Proses fonologi ini berlaku tanpa sedar kerana proses fonologi mempunyai hubungan yang rapat dengan alat pertuturan manusia. Dalam erti kata lain, alat pertuturan manusia yang disesuaikan dengan bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat pertuturan tersebut menyebabkan proses fonologi berlaku. Meskipun proses fonologi ini berlaku tanpa sedar, proses fonologi ini masih dapat diteliti dengan lebih mendalam. Setiap bahasa di dunia ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri sekaligus menyebabkan setiap bahasa turut mempunyai proses fonologinya yang tersendiri (Sri Sulihingtyas 2013).

1. Proses Fonologi yang Melibatkan Bunyi Vokal

Dialek yang dituturkan di Kampung Janda Baik dilihat berbeza dengan bahasa Melayu *Standard*. Oleh itu, pengkaji membincangkan proses fonologi yang wujud dalam SMB khususnya berkaitan dengan bunyi vokal. Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa proses fonologi yang melibatkan bunyi vokal iaitu proses perluasan vokal, proses penyempitan vokal dan proses nasalisasi vokal.

2. Proses Perluasan Vokal

Berdasarkan analisis terhadap data yang dilakukan semasa kajian lapangan, pengkaji mendapati bahawa berlaku proses perluasan vokal dalam SMB. Pengkaji mendapati bahawa para informan melakukan perluasan vokal yang menyebabkan vokal depan sempit /i/ berubah kepada vokal depan separuh sempit /e/ dan vokal belakang sempit /u/ berubah menjadi vokal belakang separuh sempit /o/. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa berlakunya perubahan titik artikulasi vokal daripada ciri vokal sempit kepada ciri vokal luas. Perubahan ini dilihat terjadi hanya di tengah kata. Jadual 1 memaparkan proses perluasan vokal /i/ kepada /e/ dalam SMB.


Jadual 1. Perluasan vokal /i/ kepada /e/

Penyebaran	Glos	SMB
Tengah kata	'adik'	[adeʔ]
	'putih'	[puteh]
	'baik'	[baeʔ]

Berdasarkan contoh di atas, proses perluasan vokal dalam SMB menyebabkan vokal depan sempit /i/ berubah menjadi vokal depan separuh sempit /e/. Hal ini menyebabkan perkataan seperti 'adik', 'putih', dan 'baik', 'dituturkan sebagai [adeʔ], [puteh], dan [baeʔ]. Rumus bagi proses perluasan vokal berdasarkan contoh di atas adalah seperti yang berikut:

$$/i/ \longrightarrow [e] / \text{ ______ } K\#$$

Rumus tersebut juga boleh ditulis dalam bentuk notasi formal seperti berikut:



Jadual 2 berikut pula memaparkan vokal belakang sempit /u/ mengalami perubahan menjadi vokal belakang separuh sempit /o/ dalam SMB.


Jadual 2. Perluasan vokal /u/ kepada /o/

Penyebaran	Glos	SMB
Tengah kata	'tujuh'	[tudʒoh]
	'perut'	[pəʔot]

Berdasarkan contoh di atas, proses perluasan vokal dalam SMB menyebabkan vokal belakang sempit /u/ mengalami perubahan kepada vokal belakang separuh sempit /o/. Oleh itu, perkataan seperti 'tujuh' dan 'perut' dituturkan sebagai [tudʒoh], dan [pəʔot] dalam SMB. Rumus bagi proses perluasan vokal berdasarkan contoh di atas adalah seperti yang berikut:

$$/u/ \longrightarrow [o] / \text{ ______ } K\#$$

Rumus tersebut juga boleh ditulis dalam bentuk notasi formal seperti berikut.



3. Proses Penyempitan Vokal

Hasil analisis data ketika kajian lapangan menunjukkan bahawa terdapat proses penyempitan vokal dalam SMB. Pengkaji berpendapat bahawa informan menunjukkan proses penyempitan vokal dalam penuturan

mereka, iaitu vokal luas berubah kepada vokal sempit dalam sesuatu suku kata. Analisis data yang dilakukan mendapati bahawa proses penyempitan vokal dalam SMB melibatkan vokal depan luas /a/ berubah menjadi vokal belakang separuh sempit /o/. Proses ini dilihat hanya berlaku pada tengah kata dan akhir kata. Jadual 3 memaparkan proses penyempitan vokal di tengah kata dalam SMB.

Jadual 3. Penyempitan vokal /a/ kepada /o/ di tengah kata

Penyebaran	Glos	SMB
Tengah kata	‘paha’ ‘matahari’	[poho] [matohayi]

Berdasarkan contoh di atas, proses penyempitan vokal yang berlaku menyebabkan vokal depan luas /a/ yang berada di lingkungan akhir kata berubah menjadi vokal belakang separuh sempit /o/. Hal ini menyebabkan perkataan seperti ‘paha’ dan ‘matahari’ dituturkan sebagai [poho] dan [matohayi] dalam SMB. Rumus bagi proses penyempitan vokal di tengah kata adalah seperti berikut.

$$/a/ \longrightarrow [o] / K \text{ ______ } K\#$$

Rumus tersebut juga boleh ditulis dalam notasi formal seperti berikut:



Jadual 4. Penyempitan vokal /a/ kepada /o/ di akhir kata

Penyebaran	Glos	SMB
Akhir kata	‘kepala’ ‘telinga’ ‘dada’	[kəpalo] [təliŋo] [dado]

Contoh Jadual 4 menunjukkan bahawa proses penyempitan vokal yang berlaku pada lingkungan akhir kata menyebabkan vokal depan luas /a/ mengalami perubahan kepada vokal belakang separuh sempit /o/. Oleh itu, penutur SMB menuturkan perkataan ‘kepala’, ‘telinga’ dan ‘dada’ sebagai [kəpalo], [təliŋo] dan [dado]. Rumus penyempitan vokal di akhir kata adalah seperti berikut:

$$/a/ \longrightarrow [o] / \text{ ______ } \#$$

Proses ini juga boleh ditulis dalam bentuk notasi formal seperti berikut:



4. Proses Nasalisasi Vokal

Proses nasalisasi merupakan salah satu proses fonologi yang tergolong dalam proses asimilasi. Asimilasi merupakan satu proses apabila sesuatu segmen itu berubah untuk menjadi seakan-akan segmen yang

berdekatan dengannya. Oleh itu, proses nasalisasi vokal mempunyai perkaitan yang erat dengan proses asimilasi (Mumad Chelaeh et al. 2017). Proses nasalisasi vokal dapat ditakrifkan sebagai satu fenomena apabila artikulasi utama yang dihasilkan oleh bunyi vokal dipengaruhi oleh artikulasi sekunder iaitu penyengauan. Dalam erti kata lain, proses nasalisasi vokal yang berlaku menyebabkan bunyi vokal menjadi sengau kerana penghasilan bunyi vokal tersebut telah dipengaruhi oleh artikulasi nasal. Fitur [+nasal] yang terdapat pada konsonan nasal telah tersebar kepada bunyi vokal yang terletak bersebelahannya. Hal ini menyebabkan vokal tersebut menerima fitur [+nasal]. Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap SMB, terdapat beberapa perkataan yang mengalami proses nasalisasi vokal secara progresif. Jadual 5 berikut memaparkan proses nasalisasi vokal yang berlaku dalam SMB.

Jadual 5. Proses nasalisasi vokal

Glos	SMB
‘makan’	[mākan]
‘mandi’	[māndi]
‘muntah’	[mūntah]
‘malam’	[mālam]
‘enam’	[ənām]
‘tangan’	[taŋān]
‘menguap’	[məŋūap]
‘langit’	[laŋēt]
‘kunyit’	[kuŋēt]

Dapatan data semasa kajian lapangan menunjukkan bahawa vokal yang hadir sebelum atau mendahului konsonan nasal berubah menjadi vokal nasal. Sebagai contoh, konsonan nasal seperti /m/, /n/, /ŋ/ dan /j/ yang hadir sebelum vokal /a/, /u/ dan /i/ menyebabkan penyebaran fitur [+nasal] kepada bunyi vokal sekali gus menyebabkan proses nasalisasi vokal berlaku. Lambang superskrip [~] digunakan untuk menggambarkan proses nasalisasi. Proses nasalisasi vokal yang berlaku menyebabkan seperti [mākan], [māndi], [mūntah], [mālam], [ənām], [taŋān], [məŋūap], [laŋēt] dan [kuŋēt] terhasil. Rumus bagi proses nasalisasi vokal berdasarkan contoh di atas adalah seperti yang berikut.

$$V \longrightarrow \begin{matrix} V & / & K \\ [+nasal] & & [+nasal] \end{matrix} \text{ —————}$$

Rumus nasalisasi vokal boleh ditulis dalam notasi formal seperti berikut:

$$[+silabik] \longrightarrow \left[\begin{matrix} +silabik \\ +sonoran \\ +nasal \end{matrix} \right] / \left[\begin{matrix} +konsonan \\ +sonoran \\ +nasal \end{matrix} \right] \text{ —————}$$

6. Proses Fonologi yang Melibatkan Bunyi Konsonan

Seterusnya, pengkaji akan membahaskan mengenai proses fonologi yang berlaku dalam SMB khususnya yang melibatkan bunyi konsonan. Hasil pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji menunjukkan bahawa terdapat beberapa proses fonologi yang melibatkan bunyi konsonan iaitu proses pembentukan glotal [ʔ], pengguguran /r/, alternasi /s/, pengglotisan [ʔ], pengvelaran, penyisipan geluncuran dan diftongisasi.

Proses Pembentukan Glotal [ʔ]

Kajian yang dilakukan oleh Mumad Chelaeh et al (2017) menjelaskan bahawa proses pembentukan glotal ini dapat dikelaskan di bawah proses neutralisasi. Neutralisasi merupakan satu proses yang dilakukan terhadap

segmen-segmen yang wujud dalam sesuatu kata untuk menghapuskan perbezaan fonologi. Proses neutralisasi ini dilihat berlaku terhadap segmen-segmen yang memiliki representasi fonetik yang serupa. Dalam erti kata lain, proses ini merupakan proses neutralisasi konsonan. Hal ini kerana konsonan hentian velar tidak bersuara /k/ berneutralisasi kepada hentian glotis [ʔ].

Dalam SMB, proses pembentukan glotal boleh dikaitkan dengan fenomena penyebaran saling melengkapi. Dalam erti kata lain, dua bunyi yang mempunyai penyebaran saling melengkapi merupakan alofon daripada satu fonem yang sama. Sebagai contoh, bunyi hentian glotis /ʔ/ dianggap sebagai alofon bunyi hentian velar tidak bersuara /k/. Bunyi hentian velar tidak bersuara /k/ dianggap sebagai fonem kerana konsonan tersebut mempunyai penyebaran yang lebih meluas berbanding hentian glotis /ʔ/. Bunyi hentian glotis /ʔ/ dilihat hanya terdapat di posisi akhir kata sahaja. Oleh itu, bunyi hentian velar tidak bersuara /k/ berubah kepada hentian glotis /ʔ/ pada akhir kata dalam SMB. Jadual 6 berikut menunjukkan proses pembentukan glotal dalam SMB.

Jadual 6. Proses pembentukan glotal

Penyebaran	Glos	SMB
Akhir kata	‘tolak’	[tolaʔ]
	‘gosok’	[gosoʔ]
	‘anak’	[anaʔ]
	‘busuk’	[busuʔ]
	‘cempedak’	[ʃəmpədəʔ]

Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan, bunyi hentian velar tidak bersuara /k/ digantikan sebagai hentian glotis /ʔ/ pada akhir kata dalam SMB. Hal ini menyebabkan perkataan seperti ‘tolak’, ‘gosok’, ‘anak’, ‘busuk’ dan ‘cempedak’ dituturkan sebagai [tolaʔ], [gosoʔ], [anaʔ], [busuʔ], dan [ʃəmpədəʔ]. Rumus bagi proses pembentukan glotal berdasarkan contoh di atas adalah seperti yang berikut.

$$/k/ \longrightarrow [ʔ] / \text{_____} \#$$

Proses pembentukan glotal yang berlaku dalam SMB juga boleh ditulis dalam bentuk notasi formal seperti berikut:

$$\left[\begin{array}{l} +\text{konsonan} \\ -\text{sonoran} \\ -\text{kontinuan} \\ +\text{belakang} \\ -\text{suara} \end{array} \right] \longrightarrow \left[\begin{array}{l} -\text{konsonan} \\ -\text{silabik} \\ +\text{rendah} \end{array} \right] / \text{_____} \#$$

Pengguguran /r/

Proses pengguguran juga merupakan salah satu proses yang sering berlaku dalam dialek Melayu serta bahasa Melayu Standard. Pengguguran merujuk kepada satu proses apabila sesuatu segmen dalam sesebuah perkataan itu digugurkan. Proses ini boleh melibatkan bunyi vokal dan konsonan. Dalam erti kata lain, proses pengguguran yang berlaku pada bunyi vokal digelar sebagai pengguguran vokal manakala pengguguran yang melibatkan bunyi konsonan digelar sebagai pengguguran konsonan. Proses pengguguran konsonan mahupun vokal dilihat mempunyai hubungan yang erat dengan segmen rangkap mahupun gugusan segmen yang berperanan untuk membentuk suku kata dalam sesebuah perkataan (Mumad Chelaeh et al. 2017). Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Norsyafiq Zaidi et al. (2023) menjelaskan bahawa proses pengguguran merupakan sebuah proses fonologi yang sudah menjadi kebiasaan dalam sesebuah ujaran. Malah, proses pengguguran ini dilihat tidak menyebabkan perubahan makna yang ingin disampaikan melalui sesuatu ujaran.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, SMB mengalami proses pengguguran konsonan. Dapatan data menunjukkan bahawa proses pengguguran yang berlaku dalam SMB melibatkan bunyi getaran alveolar [r]. Dalam SMB, proses pengguguran ini berlaku pada lingkungan mahupun posisi di lingkungan akhir kata. Jadual 7 berikut memaparkan proses pengguguran /r/ dalam SMB.

Jadual 7. Proses pengguguran /r/

Penyebaran	Glos	SMB
Akhir kata	‘tidur’	[tido]
	‘telur’	[təlo]
	‘akar’	[aka]
	‘besar’	[bəsa]

Berdasarkan contoh di atas, proses pengguguran konsonan getaran /r/ wujud dalam lingkungan akhir kata. Bunyi fonem getaran /r/ boleh didahului oleh vokal depan luas [a] dan vokal belakang separuh sempit [o] sebelum digugurkan. Berikut merupakan rumus bagi proses pengguguran yang berlaku dalam SMB:

$$/r/ \longrightarrow [\emptyset] / \text{---} \#$$

Rumus tersebut juga boleh ditulis dalam notasi formal seperti berikut:

$$\left[\begin{array}{l} +\text{konsonan} \\ +\text{sonoran} \\ -\text{nasal} \end{array} \right] \longrightarrow [\emptyset] / \text{---} \#$$

Proses Alternasi /s/

Melalui kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/ mempunyai penyebaran yang kurang meluas. Hal ini demikian kerana, konsonan tersebut hanya boleh wujud pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Dalam erti kata lain, konsonan tersebut tidak boleh wujud di posisi akhir kata. Konsonan frikatif glotis tidak bersuara /h/ dalam SMB dilihat mempunyai kesepadanan dengan konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/ dalam SMB pada posisi akhir kata. Jadual 8 berikut memaparkan proses alternasi /s/ dalam SMB.

Jadual 8. Proses alternasi /s/

Penyebaran	Glos	SMB
Akhir kata	‘panas’	[panaih]
	‘malas’	[malaih]
	‘kabus’	[kabuih]
	‘tikus’	[tikuih]
	‘manis’	[maneh]
	‘nipis’	[nipeh]

Berdasarkan contoh di atas, kehadiran vokal sebelum konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/ juga perlu diberi perhatian. Sebagai contoh, vokal /a/ akan berubah menjadi diftong /ai/ dan konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/ akan digugurkan dan seterusnya digantikan dengan konsonan frikatif glotis tidak bersuara /h/ apabila vokal /a/ wujud sebelum konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/. Malah, vokal /u/ pula akan bertukar menjadi diftong /ui/ dan konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/ akan digugurkan dan seterusnya digantikan dengan konsonan frikatif glotis tidak bersuara /h/ apabila vokal /u/ wujud sebelum

konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/. Di samping itu, vokal /i/ akan berubah menjadi vokal /e/ dan konsonan frikatif alveolar tidak bersuara /s/ akan digantikan dengan konsonan frikatif glotis tidak bersuara /h/ sekiranya vokal /i/ hadir sebelum konsonan /s/ di akhir kata. Rumus alternasi /s/ yang berlaku dalam SMB adalah seperti berikut.

$$/s/ \longrightarrow [h] / K \text{ ______ } K$$

Rumus tersebut juga boleh ditulis mengikut notasi formal seperti berikut:

$$\left[\begin{array}{l} -\text{sonoran} \\ +\text{kontinuan} \\ -\text{tinggi} \\ -\text{suara} \end{array} \right] \longrightarrow \left[\begin{array}{l} +\text{sonoran} \\ +\text{kontinuan} \\ +\text{belakang} \\ +\text{rendah} \end{array} \right] / K \text{ ______ } K$$

Pengglotisan [ʔ]

Pengglotisan juga merupakan satu proses yang berlaku dalam SMB. Kajian yang dilakukan oleh Nur Fathiha Asyikin Baharin, Rohani Mohd Yusof dan Noor Hasnoor Mohamad Nor (2021) menjelaskan bahawa pengglotisan ialah satu proses yang melibatkan kewujudan fonem /ʔ/ dalam sesuatu perkataan. Dalam erti kata lain, fonem /ʔ/ boleh ditambah atau menggantikan sesuatu fonem yang lain dalam sesuatu perkataan. Pengkaji mendapati bahawa terdapat proses pengglotisan dalam SMB, iaitu fonem /ʔ/ ditambah dalam sesuatu perkataan. Dalam erti kata lain, penambahan fonem /ʔ/ dalam sesuatu kata menyebabkan sesuatu kata itu akan menerima ciri glotis [+glotis]. Pengkaji mendapati bahawa proses ini berlaku dalam lingkungan akhir kata sahaja. Proses pengglotisan [ʔ] yang wujud dalam SMB dapat dilihat dalam Jadual 9.

Jadual 9. Proses pengglotisan [ʔ]

Penyebaran	Glos	SMB
Akhir kata	‘dagu’	[daguʔ]
	‘nasi’	[nasiʔ]

Rumus bagi proses pengglotisan /ʔ/ yang berlaku dalam SMB adalah seperti berikut.

$$/\emptyset/ \longrightarrow [ʔ] / \text{ ______ } \#$$

Rumus tersebut juga boleh ditulis dalam notasi formal seperti berikut.

$$/\emptyset/ \longrightarrow \left[\begin{array}{l} -\text{konsonan} \\ -\text{silabik} \\ +\text{rendah} \end{array} \right] / \text{ ______ } \#$$

Pengvelaran

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa berlaku proses pengvelaran dalam SMB, iaitu satu proses apabila sesuatu bunyi itu berubah kepada bunyi velar. Konsonan /r/ yang wujud dalam Bahasa Melayu Standard akan digantikan kepada konsonan frikatif velar /ɣ/ atau frikatif uvular /ʁ/ dalam kebanyakan dialek Melayu. Dalam erti kata lain, frikatif velar /ɣ/ atau frikatif uvular /ʁ/ dianggap sebagai diafon bagi fonem /r/. Berdasarkan analisis terhadap data yang telah didapati di lapangan, pengkaji mendapati bahawa konsonan /r/ yang wujud dalam Bahasa Melayu Standard berubah menjadi konsonan frikatif velar /ɣ/ dalam SMB. Perubahan tersebut dilihat hanya berlaku pada posisi awal kata dan tengah kata kerana konsonan

/r/ mengalami pengguguran pada posisi akhir kata. Jadual 10 memaparkan proses pengvelaran di awal kata yang berlaku dalam SMB:

Jadual 10. Proses pengvelaran di awal kata

Penyebaran	Glos	SMB
Awal kata	'rumah'	[ɽumah]
	'rambut'	[ɽambot]
	'rahang'	[ɽahanɲ]

Berdasarkan contoh data di atas, dapat dilihat bahawa konsonan /r/ yang terdapat dalam bahasa Melayu Standard berubah menjadi frikatif velar /ɽ/ dalam SMB. Proses ini dilihat berlaku pada posisi awal. Hal ini menyebabkan perkataan seperti 'rumah', 'rambut' dan 'rahang' dituturkan sebagai [ɽumah], [ɽambot] dan [ɽahanɲ] dalam SMB. Berikut merupakan rumus bagi proses pengvelaran yang berlaku dalam SMB di awal kata:

$$/r/ \longrightarrow [ɽ] / \text{_____} V$$

Rumus tersebut juga boleh ditulis dalam bentuk notasi formal seperti berikut:

$$\left[\begin{array}{l} +\text{konsonan} \\ +\text{sonoran} \\ -\text{nasal} \\ -\text{lateral} \end{array} \right] \longrightarrow \left[\begin{array}{l} +\text{konsonan} \\ +\text{kontinuan} \\ -\text{sonoran} \\ +\text{belakang} \\ +\text{suara} \end{array} \right] / \text{_____} V$$

Jadual 11 memaparkan proses pengvelaran di tengah kata yang berlaku dalam SMB.

Jadual 11. Proses pengvelaran di tengah kata

Penyebaran	Glos	SMB
Tengah kata	'seratus'	[səɽatuih]
	'berenang'	[bəɽənaŋ]
	'pari'	[paɽi]

Hasil dapatan data menunjukkan bahawa konsonan /r/ yang terdapat dalam bahasa Melayu Standard berubah menjadi frikatif velar /ɽ/ dalam SMB pada posisi tengah kata. Hal ini menyebabkan perkataan seperti 'seratus', 'berenang' dan 'pari' diujarkan sebagai [səɽatuih], [bəɽənaŋ] dan [paɽi] dalam SMB. Berikut merupakan rumus bagi proses pengvelaran yang berlaku dalam SMB pada lingkungan tengah kata.

$$/r/ \longrightarrow [ɽ] / V \text{_____} V$$

Rumus tersebut juga boleh ditulis dalam bentuk notasi formal seperti berikut.

$$\left[\begin{array}{l} +\text{konsonan} \\ +\text{sonoran} \\ -\text{nasal} \\ -\text{lateral} \end{array} \right] \longrightarrow \left[\begin{array}{l} +\text{konsonan} \\ +\text{kontinuan} \\ -\text{sonoran} \\ +\text{belakang} \\ +\text{suara} \end{array} \right] / V \text{_____} V$$

Proses Penyisipan Geluncuran

Proses penyisipan merupakan salah satu proses di bawah proses struktur suku kata. Penyisipan juga turut dikenali dengan nama lain iaitu epentesis. Proses penyisipan dapat ditakrifkan sebagai fenomena yang berlaku untuk memasukkan sesuatu segmen dalam bentuk dasar sesuatu ayat. Malah, proses ini dilakukan untuk melenyapkan atau menghapuskan segmen-segmen yang hadir secara berturutan (Mumad Chelaeh et al. 2017).

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa proses penyisipan geluncuran merupakan salah satu proses fonologi yang turut berlaku dalam SMB. Dua bunyi geluncuran yang terlibat dalam proses ini ialah fonem separuh vokal bilabial [w] dan separuh vokal palatal [j]. Kajian yang dilakukan oleh Tajul Aripin Kassim (2007) menjelaskan bahawa vokal [+tinggi] yang menjadi vokal pertama yang wujud dalam urutan vokal dalam sesuatu perkataan menyebabkan berlakunya proses penyebaran geluncuran. Hal ini jelas terbukti apabila proses penyisipan geluncuran yang berlaku dalam SMB melibatkan dua vokal tinggi iaitu vokal depan sempit /i/ dan vokal belakang sempit /u/. Dalam erti kata lain, proses penyisipan geluncuran dalam SMB menunjukkan fonem separuh vokal bilabial [w] dan separuh vokal palatal [j] disisipkan dalam perkataan yang mempunyai urutan vokal depan sempit /i/ dan vokal belakang sempit /u/. Dapatan data menunjukkan bahawa hanya perkataan yang terdiri daripada dua suku kata mahupun tiga suku kata sahaja yang boleh mengalami proses penyisipan geluncuran ini. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa perkataan yang mempunyai gugusan /ia/ dan /ua/ mengalami proses penyisipan geluncuran dalam SMB. Jadual 12 berikut menunjukkan proses penyisipan kegeluncuran /w/ dalam SMB.

Jadual 12. Proses penyisipan kegeluncuran /w/

Glos	SMB
‘buah’	[buwah]
‘tua’	[tuwo]

Berdasarkan contoh di sebelah, bunyi separuh vokal bilabial [w] disisipkan antara gugusan /ua/. Rumus bagi proses penyisipan kegeluncuran adalah seperti berikut:

$$/ø/ \longrightarrow [w] / [i] \text{ ______ } V$$

Proses penyisipan kegeluncuran /j/ dalam SMB dapat dilihat dalam Jadual 13 berikut.

Jadual 13. Proses penyisipan kegeluncuran /j/

Glos	SMB
‘ketiak’	[kətijaʔ]
‘tiang’	[tijaŋ]
‘siang’	[sijaŋ]

Contoh di atas menunjukkan bunyi separuh vokal palatal [w] disisipkan antara gugusan /ia/. Hal ini menyebabkan perkataan seperti ‘ketiak’, ‘tiang’ dan ‘siang’ diujarkan sebagai [kətijaʔ], [tijaŋ] dan [sijaŋ]. Rumus bagi proses penyisipan kegeluncuran adalah seperti berikut.

$$/ø/ \longrightarrow [j] / [u] \text{ ______ } V$$

Rumus proses penyisipan geluncuran juga boleh ditulis dalam bentuk notasi formal seperti berikut:

$$/ø/ \longrightarrow \left[\begin{array}{l} \text{-silabik} \\ \text{-konsonan} \\ \text{+tinggi} \\ \text{ərendah} \\ \text{βbelakang} \end{array} \right] / \left[\begin{array}{l} V \\ \text{+tinggi} \\ \text{ərendah} \\ \text{βbelakang} \end{array} \right] \text{ ______ } V$$

Diftongisasi

Berdasarkan penelitian terhadap data yang telah dikumpul semasa kajian lapangan, pengkaji mendapati bahawa berlakunya proses diftongisasi dalam SMB. Kajian yang dilakukan oleh Leli Dwirika (2021) menjelaskan bahawa proses diftongisasi merupakan satu proses yang melibatkan perubahan bunyi vokal tunggal menjadi bunyi vokal rangkap. Malah, perubahan bunyi yang berlaku masih diujarkan dalam satu puncak kenyaringan dan masih kekal dalam satu suku kata. Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Firdaus Azaharuddin, Shahidi A. Hamid dan Rahim Aman (2020) menyatakan bahawa diftongisasi merupakan satu proses fonologi apabila proses penguatan berlaku yang menyebabkan bunyi monoftong menjadi diftong. Proses penguatan dilakukan agar pendengar mempunyai tanggapan yang lebih baik atau jelas terhadap bunyi yang telah dihasilkan oleh penutur. Berdasarkan analisis terhadap data yang didapati di kajian lapangan, fenomena ini berlaku pada lingkungan akhir kata sahaja. Proses diftongisasi dalam SMB dapat dilihat dalam Jadual 14 berikut.

Jadual 14. Proses diftongisasi

Diftong	Penyebaran	Glos	SMB
/oi/	Akhir kata	'bakul'	[bakoj]
		'tumpul'	[tumpoj]
		'cangkul'	[ʃaŋkoj]

Berdasarkan contoh-contoh di atas, vokal /u/ yang hadir bersama dengan konsonan /l/ yang membentuk /ul/ di akhir kata menyebabkan berlakunya proses diftongisasi dalam SMB. Bunyi /ul/ di akhir kata tersebut akan digugurkan dan proses diftongisasi akan menyebabkan diftong /oi/ akan menggantikan bunyi /ul/ tersebut. Oleh itu, bunyi /ul/ pada posisi akhir kata bagi perkataan 'bakul', 'tumpul' dan 'cangkul' digugurkan dan membentuk [bakoj], [tumpoj] dan [ʃaŋkoj]. Rumus bagi proses diftongisasi dapat dibentuk seperti berikut:

$$/l/ \longrightarrow [oj] / [u] \text{ ______ } \#$$

Perbincangan

Penulisan ini merupakan satu kajian dalam bidang fonologi dengan mengaplikasikan fonologi generatif. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan untuk mengenal pasti proses fonologi yang wujud dalam dialek Pahang khususnya di Kampung Janda Baik. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa proses fonologi dalam SMB seperti proses perluasan vokal, penyempitan vokal, nasalisasi vokal, pembentukan glotal [ʔ], pengguguran /r/, alternasi /s/, pengglotisan [ʔ], pengvelaran, penyisipan geluncuran dan diftongisasi. Dapatan kajian ini dilihat menyokong pandangan Asiah Idris (1989) yang mendapati kewujudan proses diftongisasi di kawasan luar bandar semasa mengkaji dialek Pahang. Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi Hasrah (2019) sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk memahami proses nasalisasi yang berlaku dalam SMB sekali gus menunjukkan bahawa nasalisasi adalah salah satu proses fonologi utama dalam dialek Pahang.

Selain itu, dapatan kajian ini yang memperlihatkan bahawa dialek Pahang, khususnya SMB menerima pengaruh daripada luar adalah sejajar dengan dapatan Collins (1983) yang menjelaskan bahawa faktor seperti negeri Pahang yang pernah terlibat dalam perniagaan antarabangsa suatu ketika dahulu kerana mempunyai sungai yang luas menyebabkan dialek Pahang menerima pengaruh daripada luar. Namun begitu, terdapat juga proses fonologi yang berlaku dalam dialek Melayu yang lain yang tidak diuraikan dalam kajian ini. Kajian ini berperanan penting untuk mengisi kelompongan kajian terdahulu sekali gus memaparkan keunikan dan keistimewaan dialek Pahang, khususnya SMB. Malah, penulisan ini juga turut menyumbang dalam mengembangkan korpus kajian fonologi dialek Melayu khususnya mengenai proses fonologi dalam SMB. Dalam masa yang sama, kajian ini juga dapat menjadi rujukan kepada pengkaji bahasa akan datang yang ingin mengkaji dialek Pahang dengan lebih mendalam. Oleh itu, penelitian yang telah dilakukan terhadap SMB menunjukkan bahawa dialek Pahang mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri.

Kesimpulan

Dalam makalah ini, pengkaji telah menjelaskan secara terperinci mengenai dapatan pengkaji terhadap SMB. Pengkaji menganalisis data dengan melihat proses fonologi yang berlaku dalam SMB yang melibatkan bunyi vokal dan bunyi konsonan. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahasa SMB mempunyai ciri fonologinya yang tersendiri sekali gus memaparkan keunikannya berbanding dialek Melayu lain di Malaysia. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat proses fonologi yang melibatkan bunyi vokal iaitu perluasan vokal, penyempitan vokal dan nasalisasi vokal dan proses fonologi yang melibatkan bunyi konsonan seperti pembentukan glotal [ʔ], pengguguran /r/, alternasi /s/, pengglotisan [ʔ], pengvelaran, penyisipan geluncuran dan diftongisasi dalam SMB. Penemuan ini secara tidak langsung dialek Pahang mempunyai perbezaan dengan bahasa Melayu Standard dan wajar dikaji dengan lebih mendalam. Kajian ini memberikan sumbangan dalam bidang fonologi dialek Melayu dan menjelaskan mengenai proses fonologi yang berlaku dalam dialek Pahang, khususnya SMB. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pengkaji akan datang yang ingin menjalankan kajian mengenai dialek Pahang secara menyeluruh. Di samping itu, kajian akan datang boleh melakukan kajian perbandingan antara SMB dengan dialek-dialek lain di Malaysia agar dapat dijadikan rujukan untuk masa hadapan.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan yang diberikan untuk menerbitkan artikel ini.

Konflik Kepentingan: Semua penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan.

Rujukan

- Asiah Idris. (1989). Fonologi Dialek Pahang: Satu Kajian Awal di Kampung Sentang. *Jurnal Dewan Bahasa* 33 (6): 415-431.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. (Edisi Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. (Edisi ke-2). Cambridge University Press.
- Ismail Hussein. (1973). The Malay Dialects in the Malay Peninsular. *Nusantara*, 3(1), 69-79.
- James T. Collins. (1983). Dialek Pahang: Rangka Pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 27, 7-29: 99-118.
- Junaidi Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi & Ahmad Khairul Ashraaf Saar. (2019). Varian Kata Ganti Nama Dalam Dialek Melayu Pekan, Pahang: Analisis Geolinguistik. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2019)*, (hlm 399-411). https://www.researchgate.net/publication/356959454_Varian_Kata_Ganti_Nama_Dalam_Dialek_Melayu_Pekan_Pahang_Analisis_Geolinguistik [30 Jun 2023].
- Kamaruzaman Moidunny & Zabidi Othman. (2021). *Janda Baik: Perkampungan di Persisiran Banjaran Titiwangsa*. SYFE Management Sdn. Bhd.
- Leli Dwirika. (2021). *Fenomena-Fenomena Fonetis Dalam Bahasa Indonesia Dan Relasi Ortografisnya. Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya*. Universitas Katolik Atma Jaya.
- Mahsun. (2005). *Metode Penelitian Bahasa*. PT Raja Grafindo Persada.
- Marlyna Maros. (2010). Dialek Melayu Pekan: Penggunaan dan Pengekalan. *Jurnal Bahasa*, 10(1), 74-97.
- Merriem, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. (Edisi ke-2). San Jossey-Bass.
- Mohamad Firdaus Azaharuddin, Shahidi A. Hamid & Rahim Aman. (2020). *Pemetaan Variasi Fonologi dan Leksikal Dialek Hilir Perak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan*. (Edisi ke-2). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. 2010. Variasi Dialek Pahang: Keterpisahan Berasaskan Jaringan Sungai. *Jurnal Melayu*, 5, 315-332.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2019). Penasalan vokal dalam dialek Melayu Hulu Pahang. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 199-230.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2022). Hulu Tembeling Sebagai Pusat Difusi Dialek di Lembangan Sungai Pahang. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 133-148.

- Noor Azureen Hamid, Sharifah Raihan Syed Jaafar & Tajul Aripin Kassin. (2016). Sistem Fonologi Dialek Melayu Saribas Berasaskan Fonologi Generatif. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 1-29.
- Nurul Ain Alizuddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Noraini Hamzah. (2024). Kajian Tinjauan Literatur Sistematis (SLR) Berkaitan Dialek Melayu Menggunakan Pendekatan Program Minimalis. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(2), 214-224.
- Ong Su Teck, Nur Syahida Adilah Suri & Rahim Aman. (2016). Fonologi Subdialek Pulau Pinang: Satu Kajian Di Balik Pulau, *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 11 (1), 186-201.
- Portal Rasmi Majlis Perbandaran Bentong. t.th. *Info Bentong*.
<https://www.mpbentong.gov.my/ms/pelawat/info-bentong>
- Samarin, William J. 1993. *Linguistik Lapangan: Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sri Sulihingtyas. (2013). Proses Fonologi Bahasa Belanda. *Lensa: Kajian Kebahasaan, Kesusastraan dan Budaya*, 3(1), 31-42. <https://jurnal.unimus.ac.id/index.php/lensa/article/view/2666>
- Tajul Aripin Kassin. (2007). Penyebaran Geluncuran Dan Penyisipan Hentian Glotis Dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Autosegmental. *Jurnal Bahasa*, 7(1), 142-158.
<https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8482/4006>
- Trudgill, P. & Chambers, J.K. (1990). *Dialektologi*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka.